

Shamrahyu  
A Aziz

# Misi politik halangan kerjasama UMNO, PAS

Egois fahaman parti perlu disingkir demi kepentingan Islam, Melayu

**K**ETIKA menjadi perantara satu forum intelektual anjuran Persatuan Pelajar Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa yang bertemakan 'Malaysian Competitive-ness in the Future' Selasa lalu, saya dapat rasakan ramai golongan pelajar menyedari bahawa perpaduan orang Melayu serta kerjasama antara dua parti politik utama negara, UMNO dan PAS amat diperlukan bagi menjamin daya saing Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Saya rasakan begitu kerana kebanyakkan soalan dan komen yang dilontarkan kepada ahli panel, yang terdiri daripada, antara lain, Khairy Jamaludin dan Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkisar mengenai perpaduan Melayu dan persoalan mengenai kemungkinan kerjasama dan gabungan kedua-dua parti politik ini. Mungkin forum itu dianjurkan tepat pada ketika isu penggabungan antara UMNO dan PAS hangat diketengah oleh akhbar selepas konsvensyen Melayu. Apapun, saya yakin, hadir dalam forum itu menyedari bahawa kestabilan politik negara dan perpaduan rumpun asas negara ini adalah paksi kepada kejayaan Malaysia untuk mencapai daya saing global yang kuatkuh.

Sekiranya perpaduan itu mahu dilakukan menerusi penggabungan dua parti politik utama yang mewarnai sistem demokrasi negara ini, ia mungkin agak payah untuk direalisasikan sekiranya sistem parti politik yang mendasari sistem demokrasi yang di amalkan di negara ini disandarkan kepada hak untuk berkuasa dan bukannya mengambil tanggungjawab untuk berkhidmat kepada agama dan negara. Selain itu, khalayak mengetahui bahawa sudah banyak peristiwa berkaitan hubungan sayang dan benci antara dua parti politik ini, yang mana isu gabungan antara dua parti politik ini bukanlah sesuatu yang baru. Ia seumpama sudah lama menjadi ramuan yang sebat dalam sistem parti politik tanah air.

Pada saya, amat benar sekiranya Islam diambil sebagai elemen pertemuan kedua-dua parti politik ini. Maka, kerjasama dan perpaduan antara keduanya seharusnya berlaku atas dasar memberi keutamaan dan menjaga kepentingan agama Islam. Tetapi khalayak juga sedar bahawa teras utama UMNO ialah Melayu dan Islam. Walaupun Islam berada bersama-sama dalam ungkapan 'Melayu' itu, ini tidak diterima PAS kerana bagi PAS Islam tidak dihadkan kepada Melayu saja. PAS sering melabelkan apa yang diperjuangkan UMNO hanyalah Melayu, bukannya Islam dan pada PAS dasar yang diperkenalkan UMNO mendatangkan keburukan kepada Islam. Walaupun ada ketikanya kedua-dua pihak mempunyai persejuaan mengenai isu sejagat berkaitan Islam seperti isu Palestin dan peristiwa yang menimpa bantuan kemanusiaan ke Gaza baru-baru ini. Namun, apabila bercakap mengenai Islam di negara sendiri, ia kelihatan seolah-olah tiada titik pertemuan untuk kedua-dua parti

politik ini.

Sekiranya kita katakan Melayu dan Islam sama, itu amat benar dalam konteks undang-undang Perlembagaan, tetapi dalam konteks politik PAS, ia berbeza. Mungkin ada benarnya kerana Islam adalah untuk semua, bukan saja untuk Melayu. Tetapi, jika dilihat dalam konteks budaya dan bangsa negara ini, perbezaan ini, pada saya hanya perkara kecil dan tidak seharusnya menjadi penghalang. Alasan saya ialah, natijah perpaduan antara kedua ini boleh memberikan manfaat yang besar kepada kedua-duanya sekali - i memberi kekuatan bukan saja kepada Melayu, tetapi juga Islam.

Perbezaan misi politik pada saya adalah penghalang sebenar kerjasama dan gabungan kedua-dua parti politik ini.

Objektif politik masing-masing tidak begitu positif ke arah itu. Sebagai parti politik, kedua-dua pihak sudah tentu mempunyai tujuan politik masing-masing dan ini menjadikan parti politik itu berbeza antara satu sama lain. Tetapi, bagi saya, andainya Islam dijadikan alasan untuk tidak bekerjasama, ini amat menyediakan. Jika sindrom satu pihak lebih Islamiik daripada yang satunya lagi menjadi alasan dan keengganahan bersatuju apa yang baik untuk Islam dan bangsa menjadi batasan, bagi saya ini juga amat menyediakan dan ia amat tidak bertepatan dengan kehendak Islam. Malah, keadaan ini akan menyumbang kepada kejatuhan Islam itu sendiri.

Bagi PAS, mungkin sejarah mereka dalam satu gabungan dengan UMNO suatu ketika dulu masih segar dalam ingatan mereka dan agak sukar untuk dilupakan. Ini juga mungkin menjadi antara sebab untuk PAS tidak dapat menerima cadangan untuk bekerjasama atau berpadu dengan UMNO. Bagi saya, ini adalah alasan politik dan ini mungkin benar dalam konteks sistem kepartian yang diperkenalkan oleh demokrasi Barat. Jika kita lihat sistem politik Islam, ramai cendekiawan Islam enggan mengiktiraf penubuhan parti politik. Mereka khawatir akan kesan kepartian ini dan pada pandangan mereka parti politik itu menjadi pendorong kepada perpecahan umat Islam. Mungkin ada pihak tidak bersatuju dengan pandangan ini kerana pada mereka, inilah cara dan sistem universal yang diamalkan seluruh dunia sekarang dan penubuhan parti politik tidak dihalang dalam sistem negara Islam. Hujah ini juga agak benar. Tetapi, hakikatnya, apa yang jelas di negara ini ialah, akibat taksub kepada parti politik masyarakat Islam berpecah dan tidak sekata, hatta dalam perkara teras mengenai Islam sekalipun.

Saya pasti, kerjasama, walaupun bukan dalam format gabungan parti politik yang dianggotai Melayu semestinya amat perlu untuk Islam. Kerjasama politik akan menjadikan kedudukan Melayu dan Islam lebih terjamin. Saya fikir egois politik perlu disingkirkan demi kepentingan dan kelangsungan Melayu dan Islam di tanah air tercinta ini.

Penulis ialah Pensyarah Kulliyah Ahmad Ibrahim, UIAM

## Cakap-cakap

**S**EBENARNYA Mamat dah lama tak dengar aktiviti baru daripada Puteri UMNO. Kelmarin, sayap UMNO itu melancarkan VOGUE atau Voluntary Group for Everyone untuk berdamping dengan masyarakat melaksanakan kerja amal untuk semua kaum.

Mamat – tunggu program Puteri



Mamat